

**Headline** Suru Harumkan Nama Negara  
**Date** 16. May 2008  
**Media Title** Utusan Malaysia  
**Section** Supplement  
**Circulation** 238082  
**Readership** 833287

**Language** MALAY  
**Page No** 7a  
**Article Size** 765 cm<sup>2</sup>  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color



# Guru harumkan nama negara

Oleh MARZITA ABDULLAH DAN AZMY MOHAMED

**M**ENGUKIR nama negara di persada sukan antarabangsa merupakan suatu kebanggaan yang tidak dapat digamarkan apatah lagi diri mereka seorang pendidik kepada anak bangsa.

Atlet negara yang juga jurulatih dan guru Sekolah Sukan Bukit Jali (SSB), Teoh Boon Lim, 31, dan Siti Shahida Abdullah, 28, mengharumkan negara apabila menggondol pingat emas semasa Sukan SEA ke-24 di Korat, Thailand, tahun lalu.

Teoh menang pingat emas melalui acara olahraga jalan kaki manakala Siti Shahida melalui acara tukul besi.

Kedua-dua mereka amat berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana memberi mereka pelepasan dari kelonggaran dari segi masa dalam menjalani latihan sukan dan tugas mengajar.

Boon Lim menerima tawaran menjadi guru di SSB pada tahun 2001 sebagai guru mata pelajaran Sains Sukan selepas menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau pernah mewakili negara ketika masih belajar di UPM dalam acara jalan kaki dan memperoleh pingat perak semasa Sukan SEA 1999 di Brunei.

Pada Sukan SEA 2001 di Malaysia, beliau memperoleh pingat emas bagi acara yang sama.

Pada 2004 beliau menerima tawaran sebagai jurulatih sepenusi masa di SSB iaitu tumpuananya kini di padang dengan melatih pelajar dalam sukan jalan kaki.

Pada tahun 2006 KPM dan Majlis Sukan Negara (MSN) telah menghantar saya untuk mengikuti kursus Diploma Kejurulatihan selama tiga bulan di Semmelweis University, Hungary," katanya.

Menurut Boon Lim, beliau kembali aktif untuk menyertai pertandingan olahraga menjelang Sukan SEA 2007 setelah 'berehat' sejak 2002.

"Pada masa ini saya mendapat kelonggaran dari segi masa untuk menjalani latihan pada sesi pagi selain berlatih dengan pelajar SSB," katanya.

Kejayaan beliau membawa balik pingat emas setelah 'berehat' telah menaikkan semangat para pelajarannya untuk giat berlatih dalam sukan tersebut.


"Saya berharap saya menjadi contoh atlet SSB berlatih lebih gigih dan tidak membuang masa dengan aktiviti tidak berfaedah selain memberi tumpuan terhadap akademik dan sukan," katanya yang akan mewakili negara ke Kejohanan Lumba Jalan Kaki Dunia di Russia.

Beliau berharap dapat mendidik pelajar menjadi atlet muda yang dapat mewakili negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, Siti Shahida juga adalah graduan UPM dan telah mewakili negara ke peringkat antarabangsa



SITI SHAHIDA ABDULLAH



TEOH BOON LIM



MOKHTAR BAHARUDDIN ABDULLAH

semasa masih bergelar pelajar di universiti itu.

Setelah tamat pengajian, beliau pada awalnya ditugas untuk mengajar di sebuah sekolah di Kuantan, Pahang namun beliau menyedari kesukaran untuknya bergiat lebih aktif dalam bidang sukan terutama tukul besi.

"Ketidaaan jurulatih pakar dan kekangan masa untuk berlatih membawa saya mengambil langkah merayu Kementerian Pelajaran, MSN dan Jabatan Pendidikan Jasmani untuk bertukar ke sekolah lain yang mempunyai kemudahan berlatih," katanya.

Pada awal Jun tahun lalu, pihak berkenaan meluluskan permohonannya dan berpindah ke SSB untuk mengajar mata pelajaran Sains Sukan.

Di SSB disediakan seorang jurulatih pakar dalam sukan tukul besi dari Russia dan menjelang Sukan SEA di Korat, beliau giat menjalani latihan selain mengajar.

"KPM memberi saya pelepasan untuk mengajar lewat yakru selesa sesi latihan pada sebelah pagi, saya mula mengajar pukul 10.00 pagi dan sambung latihan pada pukul 2.30 petang," katanya.

Pada masa ini beliau menjalani latihan di sebelah petang dan akan berangkat menyertai pra olimpik seterusnya ke Taiwan.

"KPM memberi pelepasan cuti tanpa rekod, kalau tidak susah saya untuk menyertai kejohanan sebegini," katanya.

Walaupun mendapat cuti pelepasan dan guru yang menggantikan beliau, Siti Shahida tetap tidak mengabaikan pelajarannya dan telah menyediakan modul pembelajaran untuk para pelajarinya.

"Sebagai guru dan juga atlet, saya rasa saya lebih memahami pelajar saya di SSB justeru saya tidak mau mengabaikan mereka dalam bidang akademik," katanya.

Malah beliau sering mengingatkan pelajar bahawa kejayaan dalam sukan tidak akan membawa ke mana-mana sebaliknya mesti memberi tumpuan terhadap akademik.

"Guru atlet kena menjadi model

kepada pelajar untuk berjaya dalam kedua-dua bidang apatah lagi kerajaan banyak memberi bantuan dari segi eluan, biasiswa malah pelajar beruntung kerana ada sekolah seperti SSB sedangkan saya dahulu tidak pernah merasa seperti mereka," katanya.

Beliau berharap untuk menjadi jurulatih pakar dalam sukan tukul besi sejati memandangkan negara masih tidak mempunyai jurulatih sukan itu.

"Sukn ini baru di negara ini dan mempunyai potensi dalam memperoleh pingat, justeru saya berharap dapat membawa sebanyak ilmu dalam sukan ini dan mencurahkannya kepada pelajar," katanya.

Berbeza dengan Boon Lim dan Siti Shahida, Mokhtar Baharuddin Abdullah, 52, berbangga melahirkan ramai jaguh hoki kebangsaan di samping membawa pasukan bimbingannya menujuarai kejohanan hoki di peringkat antarabangsa.

Guru Matematik di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson (SMKA), Ipoh, Perak ini mula menjadi jurulatih hoki sekolah secara sepenuh masa sejak tahun 1994.

"Saya tidak pernah bermain hoki dan mula terlibat dalam sukan ini sebagai caretaker pasukan hoki SMKA pada 1985," katanya.

Bagaimanapun, Mokhtar menerangkan, berkat kesungguhan dan dedikasi para pemain serta sokongan moral pihak sekolah telah menjadikan SMKA raja hoki' di Perak sejak 1991.

Dominasi ini hasil program pembangunan bakat bermula daripada pengambilan masuk pelajar berpotensi ke tingkatan satu di SMKA, jelasnya.

Pelajar yang terpilih dari seluruh Perak seramai 15 orang akan ditempatkan di asrama dan menjalani latihan selama dua jam setiap hari.

"Cemerlang akademik satu kelebihan, tetapi bukan faktor utama pemilihan. Paling penting disiplin, minat dan kesungguhan," kata Mokhtar.

Hasilnya, ramai pemain bimbingan pernah dan sedang mewakili skuad

hoki negara seperti Azlan Misron, Tajul Rosli Mohamed, Roslan Jamaluddin, M. Kaliswaran dan K. Gobinathan.

Menurut Mokhtar, usaha membangun dan mengembangkan bakat pemain ini menjadi lebih mudah dengan adanya sumbangan besar oleh KPM untuk SMKA sebagai Sekolah Premier.

"Ini memudahkan pasukan untuk menyertai apa juga kejohanan dan menjimatkan kos," ujarnya.

KPM membayai segala kos penyelenggaraan, minyak dan pemandu untuk bas tersebut.

Sebagai jurulatih tahap tiga, sijil kejurulatih tertinggi tertinggi di Malaysia, Mokhtar pernah melatih pasukan Bawah 18 Malaysia untuk muncul juara di Asia School Tournament U-18, di Kuantan, Pahang pada 2006.

Sebelum itu, pada 2005 mengadakan skuad Bawah 16 tahun negara menyertai Five Nations Tournament di Manhem, Jerman. Manakala pada 2001, membawa pasukan Bawah 18 tahun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) di Asian School Tournament, Punjab, India dan mendapat tempat ketiga.

Di tanah air, beliau telah membawa Perak menjadi johan Kejohanan Hoki Liga Sekolah-sekolah Premier Kebangsaan anjuran MSSM untuk tahun 2003, 2004, 2005 dan 2007.

Bagi Kejohanan Hoki Juara Sekolah Malaysia Kebangsaan anjuran Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) pula, pasukan Perak pernah muncul johan sebanyak sepuluh kali sejak 1992.

Beliau amat berterima kasih kepada KPM dan pentadbiran sekolah kerana sentiasa memberi sokongan moral khususnya dalam meluluskan 'pelepasan' untuk melatih serta membawa pasukan hoki SMKA, negeri atau kebangsaan menyertai pelbagai kejohanan di semua peringkat.

Untuk tahun ini, Mokhtar diberi tanggungjawab sebagai jurulatih skuad hoki Perak ke Sukan Malaysia (SUKMA) di Terengganu.